

Sekolah Wawasan: Rakyat perlu sahut saranan PM

UM 28 OCT 2003

KUALA LUMPUR 27 Okt. — Rakyat perlu menyahut saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk menghantar anak mereka ke Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Wawasan demi perpaduan kaum di negara ini. Tokoh akademik, **Tan Sri Awang Had Salleh** berkata, masanya sudah tiba bagi rakyat Malaysia mengutamakan perpaduan kaum dan menolak kepentingan sendiri.

“Saranan Dr. Mahathir semalam juga adalah selaras dengan Penyata Razak yang diumumkan oleh Tun Abdul Razak pada tahun 1956,” jelasnya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Tambah Awang Had, Penyata Razak menyebut sekolah rendah pelbagai aliran akan dikekalkan sehingga rakyat Malaysia bersedia dari segala aspek untuk menerima pendidikan satu aliran.

Beliau diminta mengulas laporan muka depan *Utusan Malaysia* hari ini mengenai impian terakhir Dr. Mahathir untuk menghantar anak-anak ke Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Wawasan.

Dr. Mahathir ketika menyuarakan hasrat ini semalam menambah awal-awal lagi kerajaan berusaha untuk membentuk semangat perpaduan itu kerana memikirkannya agak sukar untuk melakukannya pada peringkat yang lewat.

“Jika rakyat di negara ini sengaja ingin mengasingkan diri dengan berfikir bahawa Sekolah Kebangsaan hanya patut dipenuhi oleh kanak-kanak Melayu, sekolah Cina untuk kanak-kanak Cina dan Tamil untuk kanak-kanak Tamil sahaja, maka sudah tentu sukar untuk membentuk corak rakyat Malaysia yang ada sekarang ini,” kata Perdana Menteri.

Awang Had menambah, semangat Malaysia Boleh dan Bangsa Malaysia yang diamanatkan oleh rakyat kini membuktikan yang rakyat berbilang kaum sudah boleh menerima satu budaya.

“Jika rakyat tidak mahu menghantar anak mereka ke Sekolah Kebangsaan dan Sekolah

Wawasan sekarang, sampai bila-bila pun negara akan menghadapi masalah untuk mewujudkan pendidikan beraliran nasional,” jelas beliau.

Sementara itu, Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan, **Loke Yin Pheng** berkata, semua rakyat harus menyahut saranan Dr. Mahathir semalam demi meningkatkan persefahaman rakyat.

“Kita tidak mahu memiliki belia yang hanya menyedari tentang sikap toleransi dan persefahaman apabila mereka menuntut di institusi pengajian tinggi atau bekerja,” jelas beliau.

Yin Pheng sebaliknya memberitahu persefahaman dan si-

kap berpegang kepada satu budaya dan cara hidup harus disemai di peringkat kecil lagi.

Sementara itu, Ketua Pengerangan Pemuda UMNO, **Datuk Azimi Daim** ketika dihubungi berkata, ibu bapa tidak harus terlalu mementingkan budaya dan adat resam dalam soal perpaduan kaum.

“Perpaduan kaum harus diberi keutamaan berbanding dengan budaya dan adat resam kerana perpaduan sesuatu bangsa dapat meningkatkan keamanan dan keharmonian sesebuah negara,” jelas beliau.

Azimi menambah, ibu bapa tidak perlu khuatir yang anak mereka akan lupa budaya dan adat resam jika dihantar belajar di Sekolah Wawasan.

Tambah Azimi, kenapa pula ibu bapa harus mempertikaikan yang anak mereka akan lupa budaya jika dihantar belajar di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Wawasan sedangkan mereka tidak bimbang apabila menghantar anak-anak belajar di luar negara.

Sebaliknya kata beliau, pergaulan di antara anak-anak yang terdiri daripada berbilang kaum akan menjadikan manusia yang lebih berjaya kerana mereka dapat mempelajari amalan-amalan positif pelbagai bangsa yang dapat diamalkan demi memajukan bangsa sendiri.